

TEKS UCAPAN

YAB DATUK SERI PANGLIMA DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
TIMBALAN PERDANA MENTERI
DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA:

PROGRAM SENTUHAN KASIH DESA @ TAWAU

TARIKH & MASA:

23 FEBRUARI 2025 (AHAD), 10:00 PAGI

TEMPAT:

KOMPLEKS SUKAN TAWAU, SABAH

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

Terima kasih saudara/saudari Pengacara Majlis

(SALUTASI SEPERTI DI LAMPIRAN)

PENDAHULUAN

1. Negeri Sabah ini sangat dekat di hati saya. Saya sentiasa berasa selesa dan *it feels like home* setiap kali saya berada di Sabah. Lebih-lebih lagi mempunyai ramai sahabat dan kenalan lama di sini.

2. Hari ini saya hadir ke Tawau bukan sahaja untuk Merasmikan Penutup Program Sentuhan Kasih Desa@Tawau, tetapi ingin melihat potensi yang besar dapat dilakukan oleh Kerajaan MADANI khususnya Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dan memberikan hebahan pelbagai inisiatif kepada rakyat di Tawau ini.

3. Saya percaya usaha KKDW ini menjadi pemangkin bagi daerah Tawau untuk tampil sebagai sebuah daerah dengan tarikan tersendiri, sambil turut serta dalam arus pembangunan negara dari segi infrastruktur, ekonomi, keusahawanan serta pembangunan modal insan.

4. InsyaAllah, selagi saya memimpin KKDW, saya dan seluruh pasukan akan terus komited dalam membangunkan kawasan desa dan meningkatkan kesejahteraan penduduknya.

PEMBANGUNAN TAWAU, SABAH

Hadirin sekalian,

5. Sepertimana yang sering diuar-uarkan, bagi tempoh 2021 hingga 2025, di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), Kerajaan telah memperuntukkan kepada KKDW sebanyak **RM6.15 bilion bagi tujuan pembangunan di Negeri Sabah** melalui pelbagai agensi di bawah KKDW termasuk agensi Kerajaan Negeri Sabah seperti Lembaga Kemajuan Tanah Sabah (SLDB) dan Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS).

6. Jumlah peruntukan di bawah RMKe-12 untuk Negeri Sabah adalah antara yang **tertinggi** iaitu **melebihi RM1 bilion setiap tahun**. Peningkatan peruntukan ini menunjukkan komitmen pihak Kerajaan untuk membantu kerajaan dan rakyat Negeri Sabah untuk menikmati pembangunan dan kesejahteraan. Komitmen ini akan berterusan selagi wujudnya kerjasama dan hubungan baik di antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan.

7. Pada tahun ini, di bawah Rolling Plan Kelima (RP5) RMKe-12, daripada RM7.49 bilion peruntukan pembangunan KKDW, sebanyak **RM1.11 bilion** atau **14.8 peratus** telah diperuntukkan bagi Negeri Sabah melibatkan sebanyak **317 projek.**

8. KKDW juga telah memperuntukkan sejumlah **RM18.78 juta** bagi tujuan **pembangunan di daerah Tawau** untuk pelaksanaan pelbagai projek melibatkan kemudahan awam, infrastruktur perhubungan dan utiliti desa.

9. Antara projek utama yang akan dilaksanakan di Tawau adalah pembinaan **Jalan Luar Bandar (JALB) dan Jambatan Luar Bandar (JMLB)** bernilai **RM5.67 juta,**

penyediaan **Bekalan Air Luar Bandar (BALB)** dan **Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB)** yang masing-masing bernilai **RM5.39 juta** dan **RM6.74 juta**.

10. Selain itu, inisiatif **Program Perumahan Rakyat Sejahtera (PPRS)** di Negeri Sabah masih diteruskan bagi membantu golongan yang berkelayakan. Sebanyak **3,791 unit rumah** diluluskan di bawah program ini iaitu **869 unit Bina Baharu** dan **2,922 unit Baik Pulih** yang meliputi **kos RM132.31 juta**.

11. Saya juga ingin memaklumkan bahawa pembangunan penempatan baharu dan penyusunan semula kampung sedia ada secara terancang di Sabah yang dilengkapi dengan kemudahan asas dan ameniti sosial, akan dilaksanakan menerusi tiga (3) **Projek Pemajuan Kawasan (PPK)** dengan kos projek sebanyak RM166 juta. **Bagi tahun 2025, sebanyak RM5.43 juta telah diperuntukkan bagi melancarkan pelaksanaan projek ini yang akan memberi manfaat kepada 3,500 penerima di sekitar Sabah.**

12. Satu lagi projek pembangunan yang diberikan fokus oleh KKDW di Negeri Sabah ialah **Projek Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung (PROSPEK)** yang memfokuskan pembangunan di beberapa perkampungan sedia ada. Bilangan PROSPEK yang sedang dilaksanakan oleh KKDW bagi tahun 2025 di Sabah adalah berjumlah **empat (4) projek** dengan kos keseluruhan berjumlah **RM 33 juta.**

13. **Tiga (3) projek ini merupakan projek sambungan iaitu PROSPEK Tongod, PROSPEK Kota Marudu** dan **PROSPEK Nabawan** dengan **kos keseluruhan berjumlah RM24 juta**. Manakala **satu (1) projek baharu iaitu PROSPEK Tuaran** yang mula dilaksanakan pada tahun 2025 dengan kos sebanyak **RM9 juta** bagi tempoh pembangunan selama lima (5) tahun.

14. KKDW melalui KEMAS juga telah menyediakan peruntukan berjumlah **RM58,000** bagi pelaksanaan pelbagai program pembangunan komuniti dan latihan keusahawanan serta Pendidikan Kemahiran sebanyak **RM97,000** sebagai manfaat kepada masyarakat tempatan

di kawasan Tawau.

15. Tambahan itu, sejumlah **RM2.71 juta** telah diperuntukkan bagi **Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET)** serta Latihan Kemahiran Pekebun Kecil untuk pembangunan dan pemerkasaan usahawan desa bertujuan membantu mereka meningkatkan jumlah pendapatan melalui aktiviti keusahawan di Negeri Sabah.

PEMERKASAAN MODAL INSAN

Hadirin dan hadirat sekalian,

16. Pada tahun ini juga, KKDW telah mengatur langkah, menyusun strategi dan mencipta 42 *game changer* untuk memperkasakan lagi modal insan termasuklah dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak. Tiga (3) program akan diperkenalkan khusus untuk pendidikan awal kanak-kanak iaitu **Smart Classroom@KEMAS**, **Program PeliTa@KEMAS** dan **TABIKA Tunas Istimewa@KEMAS**.

17. **Smart Classroom@KEMAS** merupakan model **TABIKA/TASKA KEMAS berteknologi tinggi** untuk melahirkan kanak-kanak fasih digital, membolehkan

pendidik mengintegrasikan teknologi semasa PdP, memperkukuhkan infrastruktur dan infostruktur digital serta memantapkan tadbir urus digital.

18. Bagi **Program PeliTa@KEMAS** pula, ia merupakan satu program bagi melahirkan Huffaz Cilik berusia **7 hingga 12 tahun** yang bukan sahaja mampu menghafaz Juzuk Amma, malahan boleh melanjutkan pengajian Al-Quran ke peringkat lebih tinggi mengikut silibus yang ditetapkan.

19. Manakala bagi **Program TABIKA Tunas Istimewa@KEMAS**, ia merupakan satu program bagi mewujudkan peluang pendidikan yang sesuai dan relevan kepada **kanak-kanak berkeperluan khas (Autisme)**. Ini jelas menunjukkan bahawa KKDW tidak meminggirkan mana-mana golongan kurang upaya dalam arus pendidikan Negara.

20. Seterusnya, bagi pemerkasaan modal insan di peringkat pendidikan tertiari pula, KKDW menyediakan ekosistem pendidikan melalui program TVET@KKDW. Ia merupakan usaha berterusan kementerian ke arah mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk

mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri.

21. Di bawah tujuh (7) agensi KKDW, terdapat sejumlah 279 buah Institusi Pendidikan TVET@KKDW di seluruh negara dan bagi Negeri Sabah, terdapat sebanyak **29 buah institusi TVET** iaitu **satu (1) Institut Kemahiran MARA (IKM)** dan **28 GIATMARA** dengan keseluruhan **81 program** ditawarkan.

22. Saya yakin dengan inisiatif yang disediakan KKDW ini mampu mencipta impak besar dalam sektor pendidikan negara.

PROGRAM SENTUHAN KASIH DESA @ TAWAU

Hadirin sekalian,

23. Bertepatan dengan penganjuran Program Sentuhan Kasih Desa ini, saya mahu para usahawan di Tawau mengambil

peluang ini bagi mengembangkan potensi perniagaan masing-masing. **Ini kerana KKDW telah memperuntukkan sebanyak RM6 juta bagi tahun 2025 untuk pembangunan dan pemerkasaan usahawan desa melalui Program Sokongan Pengukuhan Keusahawanan Luar Bandar (SPKLB)**.

24. Jadi, ambillah peluang ini sekiranya tuan-tuan dan puan-puan ingin menjalankan perniagaan atau menjadi seorang usahawan. Melalui SPKLB ini, usahawan berpeluang mendapatkan kemudahan sokongan bagi memperkukuh, mengembangkan perniagaan dan membangunkan produk serta perkhidmatan bagi tujuan pemasaran yang lebih luas.

25. KKDW juga sentiasa melipatgandakan usaha untuk membantu usahawan desa meningkatkan kualiti produk dan prestasi agar **usahawan desa dalam kategori PICO dengan jualan tahunan sehingga RM60 ribu** yang hampir keseluruhannya meniaga bagi tujuan sara diri boleh **beralih kepada kategori MIKRO dengan jualan tahunan yang boleh mencapai sehingga RM300 ribu setahun**.

26. Semua masyarakat Tawau perlu sentiasa berhubung dengan agensi KKDW dan agensi lain yang menyediakan program dan inisiatif keusahawanan agar dapat manfaatkan peluang yang disediakan oleh pihak Kerajaan.

PENUTUP

Hadirin sekalian,

27. Saya percaya kita sentiasa mempunyai peluang dan ruang untuk meningkatkan pencapaian sedia ada ke tahap yang lebih tinggi melalui kepakaran, potensi dan kemudahan yang terus berkembang.

28. Semoga apa yang diusahakan pada hari ini membuahkan hasil pada masa akan datang. Usahawan yang kita bantu akan terus mengorak langkah menjadi usahawan yang lebih berjaya bukan sahaja di peringkat tempatan, tetapi juga dapat berkembang sehingga ke peringkat antarabangsa.

29. Kerajaan juga akan terus menyokong usaha pembangunan

desa dan memperluaskan peluang untuk memperkasa komuniti desa. Buktikanlah keazaman dan kesungguhan dalam membina masa depan yang lebih gemilang. *Coming together is the beginning, Keeping together is progress, Working together is success.*

30. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Penutupan Program Sentuhan Kasih Desa@Tawau Tahun 2025.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh